

أم البراهين

Imam Al-Sanusi

Terjemahan Ummul Barahin

سنة الف الف الف

Imam Al-Sanusi ﷺ

Al-Imam Abu Abdillah Muhammad bin Yusuf bin 'Umar bin Syu'aib Al-Sanusi Al-Tilimsani Al-Hasani Al-Maliki (832-895H/1428-1490M).

Al-Imam Sanusi terkenal dengan ke alimannya dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan seperti fiqh, ushul fiqh, hadits, gramatika, logika dan terutama dalam bidang Teologi dan Tasawuf. Di samping beliau juga di kenal sebagai tokoh ulama yang soleh, zuhud, wara', ahli ibadah, perilakunya yang selalu mengikuti sunnah dan berbudi pekerti mulia.

Perkembangan ilmiahnya di mulai sejak Al-Sanusi belajar ilmu kepada ayahnya, Al-Imam Yusuf bin 'Umar Al-Sanusi, kemudian belajar kepada ulama terkemuka pada masanya seperti Nashr Al-Zamawi, Muhammad bin Tauzat dan Al-Syarif Abu Hajjaj Yusuf Al-Hasani dalam bidang ilmu qiraat. Beliau juga belajar ushul fiqh, teologi dan logika kepada Muhammad bin 'Abbas. Belajar fiqh Maliki kepada Al-Jallab. Mengikuti perkuliahan Hasn abrakun Al-Rasyidi yang di kenal wali dan soleh. Menghadiri perkuliahan Al-Hafizh Abu Al-Hasan Al-Taluti dengan Risalah Abi Zaid Al-Qoirowani dalam bidang fiqh Maliki. Mengikuti perkuliahan Abu Al-Qosim Al-Kanabisi dengan perkuliahan Al-Irsyad ila Qowathi, Al-Adilllah fi ushul Al-'Itiqod karya Imam Al-Haramain dalam bidang teologi. Mengikuti perkuliahan Abu Zaid Al-Tsa'alibi dengan kitab Sohih Al Bukhori, Muslim dan kitab-kitab hadits yang lain. Mengikuti perkuliahan Abu Al-Hasan Al-Qoshadi Al-Andalusi dengan ilmu faraid dan astronomi. Di samping itu dia juga menjalani kehidupan shufi di bawah bimbingan Al-Imam Ibrahim Al-Tazi, Ulama shufi yang terkenal soleh dan zuhud pada masanya. Dengan bimbingan guru-gurunya yang handal pada bidangnya masing-masing serta kegigihan Al-Sanusi dalam belajar akhirnya menjadikan Al-Sanusi Ulama terkemuka dan tokoh utama pada masanya dalam bidang ilmu pengetahuan, kesolehan, kezuhudan menjalani perilaku wara' dan selalu berhati-hati.

Setelah menyelesaikan dalam berbagai pendidikan keilmuan, Al-Sanusi melanjutkan aktivitasnya sebagai pengajar, penulis kitab dan pendidik masyarakat. Dalam mengajar Al-Sanusi enggan mengajarkan ilmu-ilmu yang tidak berhubungan dengan akhirat. Oleh karena itu bahan pelajaran yang di sampaikan kepada murid-muridnya lebih banyak di curahkan dalam mengajian ilmu tafsir, hadits, teologi. Dalam hal ini Al-Sanusi berkata, **"Tidak ada ilmu-ilmu zahir yang dapat mengantarkan pada ma'rifat dan muroqabah kepada Allah selain ilmu Tauhid. Hanya ilmu Tauhid yang dapat menjadi pintu terbukanya seluruh ilmu pengetahuan. Ketakwaan seseorang kepada Allah akan bertambah sesuai dengan pengetahuannya dalam bidang tauhid"**.

Al-Sanusi wafat pada tahun 895H/1490M setelah menderita sakit selama 10 hari. Pada masa hidupnya Al-Sanusi terkenal sebagai ulama yang penyabar, tabah, murah senyum, tidak pernah menyimpan rasa dendam kepada siapapun, tidak pernah bermuka masam kepada siapapun, bahkan dia selalu hormat dan sopan santun sehingga tidak jarang musuhnya itu merasa bahwa Al-Sanusi menganggapnya sebagai teman.

Al-Imam Al-Sanusi termasuk ulama yang produktif dengan meninggalkan sejumlah karya, terutama dalam bidang teologi seperti *'Aqidah Ahl Al Tauhid, Al Aqidah Al Qubro, Umm Al Barahin yang di kenal dengan nama al Aqidah al Sughro, Syarah Kalimatay Al Syahadah, Al Aqidah Al Wustho, Al Muqodimat, Syarah Umm Al Barahin, Al iqd Al farid fi hal musykilat Al Tauhid, Umdat Ahl Al Taufiq wa Al Tasdid, Al Manhaj Al Sadid dan lain-lain. Dalam bidang hadits Al-Sanusi menulis kitab Mukammil ikmal Al Ikmal-Syarah terhadap shohih Muslim dan kitab Syarah terhadap shohih Bukhori.*

Dari sekian banyak karya Al-Sanusi kitab **Al-Umm Al-Barahin** adalah karya terpopuler dan menjadi bahan kajian para pelajar di dunia kaum sunni hingga dewasa ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ،

Segala puji bagi Allah ﷻ serta Kerahmatan dan Kesejahteraan ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad ﷺ.

Hukum 'Aqal

اعْلَمْ أَنَّ الْحُكْمَ الْعَقْلِيَّ يَنْحَصِرُ فِي ثَلَاثَةِ أَقْسَامٍ :

Ketahuilah bahawa sesungguhnya hukum 'aqal itu terbahagi kepada tiga bahagian:-

الْوَجُوبُ، وَالْإِسْتِحَالَةُ، وَالْجَوَازُ.

1. Wujub (Wajib), 2. Mustahil, 3. Harus.

فَالْوَجِبُ مَا لَا يُتَصَوَّرُ فِي الْعَقْلِ عَدْمَهُ،

Wajib merupakan perkara yang ketiadaannya tidak boleh diterima oleh 'aqal fikiran manusia.

وَالْمُسْتَحِيلُ مَا لَا يُتَصَوَّرُ فِي الْعَقْلِ وُجُودَهُ،

Mustahil merupakan perkara yang kewujudannya tidak boleh diterima oleh 'aqal fikiran manusia.

وَالْجَائِزُ مَا يَصِحُّ فِي الْعَقْلِ وُجُودُهُ وَعَدْمُهُ،

Harus ialah perkara yang kewujudan dan ketiadaannya boleh diterima oleh 'aqal fikiran manusia.

Kewajiban Setiap Mukallaf

وَيَجِبُ عَلَى كُلِّ مُكَلَّفٍ شَرْعًا أَنْ يَعْرِفَ مَا يَجِبُ فِي حَقِّ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ وَمَا
يَسْتَحِيلُ وَمَا يَجُوزُ، وَكَذَا يَجِبُ عَلَيْهِ أَنْ يَعْرِفَ مِثْلَ ذَلِكَ فِي حَقِّ الرُّسُلِ عَلَيْهِمُ
الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ

Wajib dari segi syara' ke atas setiap mukallaf **mengetahui perkara yang wajib pada hak Allah Yang Maha Besar dan Maha Mulia, perkara yang mustahil dan perkara yang harus.** Begitu juga wajib kita mengetahui perkara **pada hak Para Rasul** عليهم الصلاة والسلام.

فَمِمَّا يَجِبُ لِمَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ:

Di antara perkara yang wajib bagi Allah ﷻ ialah dua puluh sifat:-

الْوَجُودُ، وَالْقِدَمُ، وَالْبَقَاءُ، وَمُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ، وَقِيَامُهُ تَعَالَى بِنَفْسِهِ:

1. Ada, 2. Sedia, 3. Kekal, 4. Bersalahan yang Maha Tinggi bagi segala yang baharu, 5. Berdiri Allah ﷻ dengan sendirinya.

أَيُّ لَا يَفْتَقِرُ إِلَى مَحَلٍّ، وَلَا مُخَصَّصٍ،

Dia tidak berhajat kepada zat dan tidak berhajat kepada fa'il atau pembuat yang menjadikannya.

وَالْوَحْدَانِيَّةُ: أَيُّ لَا ثَانِيَ لَهُ فِي ذَاتِهِ، وَلَا فِي صِفَاتِهِ، وَلَا فِي أَفْعَالِهِ.

Esa ertinya tiada sekutu bagi zatNya, sifatNya dan segala perbuatanNya.

فَهَذِهِ سِتُّ صِفَاتٍ: الْأُولَى نَفْسِيَّةٌ، وَهِيَ: الْوَجُودُ.

Maka ini ialah enam (6) sifat yang wajib bagi Allah ﷻ. Pertama dikenali Sifat Nafsiah [الصِّفَةُ النَّفْسِيَّةُ], iaitu Wujud.

وَالْخَمْسَةُ بَعْدَهَا سَلْبِيَّةٌ.

Dan lima yang seterusnya dikenali sebagai Sifat Salbiyah [الصِّفَةُ السَّلْبِيَّةُ].

ثُمَّ يَجِبُ لَهُ تَعَالَى سَبْعُ صِفَاتٍ، تُسَمَّى صِفَاتِ الْمَعَانِي،

Kemudian wajib bagi Allah ﷻ mempunyai tujuh (7) sifat yang dinamakan Sifat Ma'ani [صِفَاتُ الْمَعَانِي].

وَهِيَ: الْقُدْرَةُ، وَالْإِرَادَةُ: الْمُتَعَلِّقَاتَانِ بِجَمِيعِ الْمُمْكِنَاتِ.

Sifat tersebut ialah: Qudrat (Kuasa) dan Iradat (Kehendak): Kedua-dua sifat ini berta'alluq (berhubung) dengan segala benda-benda " harus " iaitu perkara yang kewujudan dan ketiadaannya boleh diterima oleh akal fikiran manusia.

وَالْعِلْمُ: الْمُتَعَلِّقُ بِجَمِيعِ الْوَاجِبَاتِ، وَالْجَائِزَاتِ، وَالْمُسْتَحِيلَاتِ.

'Ilmi (Ilmu): Sifat ini berta'alluq dengan segala perkara iaitu : wajib, mustahil, harus.

وَالْحَيَاةُ، وَهِيَ: لَا تَتَعَلَّقُ بِشَيْءٍ.

Hayat (Hidup): Sifat ini tidak berta'alluq dengan sesuatu apa pun.

وَالسَّمْعُ وَالْبَصَرُ: الْمُتَعَلِّقَانِ بِجَمِيعِ الْمَوْجُودَاتِ.

Sama' (Mendengar) Basor (Melihat): Keduanya berta'alluq dengan semua maujudat.

وَالْكَلَامُ: الَّذِي لَيْسَ بِحَرْفٍ، وَلَا صَوْتٍ، وَيَتَعَلَّقُ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ الْعِلْمُ مِنَ الْمُتَعَلِّقَاتِ.

Kalam: Pekata yang tidak bersuara dan berhuruf. Sifat ini berta'alluq dengan perkara yang sama seperti sifat ilmu.

ثُمَّ سَبْعُ صِفَاتٍ، تُسَمَّى صِفَاتًا مَعْنَوِيَّةً، وَهِيَ: مُلَازِمَةٌ لِلسَّبْعِ الْأُولَى،

Kemudian tujuh (7) sifat dinamakan sifat-sifat Ma'nawiyah yang melazimi tujuh sifat yang pertama iaitu melazimi sifat-sifat Ma'ani.

وَهِيَ: كَوْنُهُ تَعَالَى: قَادِرًا. وَمُرِيدًا. وَعَالِمًا. وَحَيًّا. وَسَمِيعًا. وَبَصِيرًا. وَمُتَكَلِّمًا.

Iaitulah keadaan Allah ﷻ Yang Berkuasa, keadaan Yang Berkehendak, keadaan Yang Mengetahui, keadaan Yang Hidup, keadaan Yang Mendengar, keadaan Yang Melihat, keadaan Allah Yang Berkata.

وَمِمَّا يَسْتَحِيلُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ إِضْدَادُ الْعِشْرِينَ الْأُولَى.

Di antara perkara yang mustahil bagi Allah ﷻ ialah dua puluh sifat. Ianya merupakan sifat-sifat yang berlawanan dengan dua puluh sifat yang wajib bagi Allah ﷻ. Sifat yang mustahil ini ialah:-

وَهِيَ: الْعَدَمُ. وَالْحُدُوثُ. وَطُرُوقُ الْعَدَمِ.

Yang pertama ialah tiada, kedua baharu, ketiga binasa.

وَالْمُمَاثَلَةُ لِلْحَوَادِثِ: بِأَنْ يَكُونَ جَرِمًا: أَي تَأْخُذُ ذَاتُهُ الْعَلِيَّةُ قَدْرًا مِنَ الْفِرَاقِ. أَوْ يَكُونُ عَرَضًا يَقُومُ بِالْجَرِمِ، أَوْ يَكُونُ فِي جِهَةِ الْجَرِمِ، أَوَّلُهُ هُوَ جِهَةٌ، أَوْ يَتَّقِدَ بِمَكَانٍ، أَوْ زَمَانٍ، أَوْ تَتَّصِفَ ذَاتُهُ الْعَلِيَّةُ بِالْحَوَادِثِ، أَوْ يَتَّصِفَ بِالصِّغَرِ، أَوْ الْكِبَرِ، أَوْ يَتَّصِفَ بِالْأَغْرَاضِ فِي الْأَفْعَالِ وَالْأَحْكَامِ.

Keempat Serupa dengan makhluk: Dengan menggambarkan Allah ﷻ sebagai jirim: bermaksud - zat Allah ﷻ mempunyai isipadu, ataupun dengan menggambarkan Allah ﷻ sebagai satu sifat baharu yang wujud pada jirim, ataupun berada pada sesuatu arah bagi sesuatu jirim (objek), atau Dia mempunyai jihat atau arah, atau terikat dengan suatu tempat, atau terikat dengan sesuatu masa, ataupun zat Allah ﷻ bersifat dengan sesuatu yang baharu, atau bersifat kecil, atau bersifat besar, ataupun Allah ﷻ mempunyai sebab dan tujuan dari segala perbuatannya dan hukum-hakamnya.

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى: أَنْ لَا يَكُونَ قَائِمًا بِنَفْسِهِ، بِأَنْ يَكُونَ صِفَةً يَقُومُ بِمَحَلٍّ، أَوْ يَحْتَاجُ إِلَى مُخَصِّصٍ.

Yang kelima sifat mustahil bagi Allah ﷻ ialah: Dia tidak berdiri dengan sendirinya, seperti sifatNya berdiri dengan zat, atau memerlukan kepada pembuat yang menjadikanNya.

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى: أَنْ لَا يَكُونَ وَاحِدًا بَأَنْ يَكُونَ مُرَكَّبًا فِي ذَاتِهِ، أَوْ يَكُونَ لَهُ مُمَاتِلٌ فِي ذَاتِهِ أَوْ صِفَاتِهِ، أَوْ يَكُونَ مَعَهُ فِي الْوُجُودِ مُؤَثِّرٌ فِي فِعْلٍ مِنَ الْأَفْعَالِ.

Yang keenam sifat mustahil bagi Allah ﷻ ialah: berbilang-bilang, dengan menggambarkan zat Allah ﷻ tersusun dari sesuatu benda, Atau pun Allah ﷻ mempunyai sekutu (menyerupai) pada zatNya atau sifat-sifatNya, Atau pun ada bersama-samaNya di dalam wujud sesuatu kuasa lain yang memberi kesan pada sesuatu perbuatan.

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى: الْعَجْزُ عَنْ مُمَكِّنِ مَا.

Yang ketujuh sifat mustahil bagi Allah ﷻ ialah : lemah (tidak berkuasa) menciptakan atau membinasakan sesuatu yang harus.

وَإِجَادُ شَيْءٍ مِنَ الْعَالَمِ مَعَ كَرَاهَتِهِ لَوْجُودِهِ. أَيْ عَدَمِ إِرَادَتِهِ لَهُ تَعَالَى أَوْ مَعَ الذُّهُولِ، أَوْ الْغَفْلَةِ، أَوْ بِالتَّغْلِيلِ، أَوْ بِالتَّطْبَعِ.

(Kelapan) mengadakan sesuatu daripada alam ini atau meniadakannya di samping tidak mahukan kewujudannya atau ketiadaan berkehendak Allah ﷻ, atau pun Allah ﷻ melakukannya dalam keadaan terlupa, Atau pun Allah ﷻ melakukannya secara tidak sengaja, Atau pun Allah ﷻ melakukannya dengan tersebab, Atau pun Allah ﷻ melakukannya dengan secara semula jadi.

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى: الْجَهْلُ وَمَا فِي مَعْنَاهُ بِمَعْلُومٍ مَا.

Yang kesembilan sifat mustahil bagi Allah ﷻ ialah : tidak mengetahui dengan tepat sesuatu yang sudah dimaklumi, dan yang scerti dengannya.

وَالْمَوْتُ،

(Kesepuluh) mati.

وَالصَّمَمُ،

(Kesebelas) pekak (tuli).

وَالْعَمَى،

(Kedua belas) buta.

وَالْبُكْمُ.

(Ketiga belas) bisu.

وَأَضْدَادُ الصِّفَاتِ الْمَعْنَوِيَّةِ وَاضِحَةٌ مِنْ هَذِهِ.

Dengan keterangan ini, jelaslah segala sifat yang berlawanan dengan Sifat Ma'nawiyah.

وَأَمَّا الْجَائِزُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى: فَفِعْلُ كُلِّ مُمَكِّنٍ أَوْ تَرْكُهُ.

Adapun perkara yang harus bagi Allah ﷻ ialah mewujudkan perkara harus (mungkin) atau tidak mewujudkannya.

أَمَّا بُرْهَانُ وُجُودِهِ تَعَالَى: فَحُدُوثُ الْعَالَمِ، لِأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ لَهُ مُحَدِّثٌ بَلْ حَدَثَ
 بِنَفْسِهِ لَزِمَ أَنْ يَكُونَ أَحَدُ الْأَمْرَيْنِ الْمُتَسَاوَيْنِ مُسَاوِيًا لِصَاحِبِهِ رَاجِحًا عَلَيْهِ بِلَا
 سَبَبٍ وَهُوَ مُحَالٌ. وَدَلِيلُ حُدُوثِ الْعَالَمِ مُلَازِمَتُهُ لِلْأَعْرَاضِ الْحَادِثَةِ مِنْ: حَرَكَةٍ،
 وَسُكُونٍ وَغَيْرِهِمَا، وَمُلَازِمَةُ الْحَادِثِ حَدِثٌ. وَدَلِيلُ حُدُوثِ الْأَعْرَاضِ مُشَاهَدَةٌ
 تَغْيِيرَهَا مِنْ عَدَمٍ إِلَى وَجُودٍ، وَمِنْ وَجُودٍ إِلَى عَدَمٍ.

Adapun dalil (bukti) yang menerangkan tentang kewujudan Allah ﷻ ialah **penciptaan** (tidak Qadim) alam semesta. Sekiranya alam semesta ini tidak mempunyai pencipta, bahkan terjadi dengan sendirinya, maka pasti akan berat sebelah salah satu dari dua perkara yang bersamaan tanpa sebab. Keadaan ini mustahil pada 'aql fikiran manusia. Dalil yang menunjukkan kepada **penciptaan** (tidak Qadim) alam semesta ialah kemestian wujudnya alam berserta dengan sifat-sifat yang **baharu** (tidak Qadim) seperti pergerakan, tidak bergerak dan lain-lain. Dalil yang menunjukkan kepada **penciptaan** sifat-sifat yang ada pada alam semesta ialah perubahannya yang dapat dilihat dengan pancaindera manusia.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ الْقَدَمِ لَهُ تَعَالَى: فَلِأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ قَدِيمًا، لَكَانَ حَدِيثًا، فَيَفْتَقِرُ
 إِلَى مُحَدِّثٍ، فَيَلْزِمُ الدَّوْرَ، أَوْ التَّسْلُسَ.

Dalil yang menunjukkan kewujudan Allah ﷻ tidak ada permulaannya ialah sekiranya Allah ﷻ baru diciptakan, maka pastilah ia berhajat kepada penciptanya. Perkara ini akan membawa kepada masalah daur atau tasalsul. Kedua-dua perkara ini mustahil pada 'aql fikiran manusia.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وَجُوبِ الْبَقَاءِ لَهُ تَعَالَى: فَلِأَنَّهُ لَوْ أَمْكَنَ أَنْ يَلْحَقَهُ الْعَدَمُ، لَأَنْتَفَى عَنْهُ
 الْقَدَمُ لِكَوْنِ وُجُودِهِ حِينِيْدٍ جَائِزًا لَا وَاجِبًا، وَالْجَائِزُ لَا يَكُونُ وُجُودُهُ إِلَّا حَدِيثًا،
 كَيْفَ وَقَدْ سَبَقَ قَرِيْبًا وَجُوبُ قَدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ.

Dalil yang menunjukkan kewujudan Allah ﷻ tidak ada pengakhirannya ialah sekiranya Allah ﷻ binasa, maka ternafi daripada-Nya sifat Qidam kerana kewujudannya tatkala itu hanyalah harus sahaja, tidaklah wajib seperti yang telah dibincangkan. Kewujudan-Nya yang harus ini mustahil kerana telah diyakini bahawa sesungguhnya Allah ﷻ bersifat dengan Qidam dan Baqa'.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ مُخَالَفَتِهِ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ: فَلَأَنَّهُ لَوْ مَاتَ شَيْئًا مِنْهَا، لَكَانَ حَادِثًا مِثْلَهَا، وَذَلِكَ مُحَالٌ لِمَا عَرَفْتَ قَبْلَ مِنْ وُجُوبِ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ.

Dalil yang menyatakan bahawa Allah ﷻ tidak menyerupai makhluknya ialah sekiranya Allah ﷻ menyerupai sesuatu yang baharu (tidak qadim) maka pasti Allah ﷻ juga baharu (tidak qadim). Perkara ini mustahil berdasarkan dalil-dalil yang menyatakan bahawa Allah ﷻ bersifat dengan Qidam dan Baqa'.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ قِيَامِهِ تَعَالَى بِنَفْسِهِ: فَلَأَنَّهُ تَعَالَى لَوْ احتَاجَ إِلَى مَحَلٍّ لَكَانَ صِفَةً، وَالصِّفَةُ لَا تَتَّصِفُ بِصِفَاتِ الْمَعَانِي، وَلَا الْمَعْنَوِيَّةِ، وَمَوْلَانَا جَلٌّ وَعَزٌّ يَجِبُ اتِّصَافُهُ بِهِمَا فَلَيْسَ بِصِفَةٍ. وَلَوْ احتَاجَ إِلَى مُخَصَّصٍ لَكَانَ حَادِثًا كَيْفَ، وَقَدْ قَامَ الْبُرْهَانُ عَلَى وُجُوبِ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ.

Dalil yang menyatakan bahawa kewujudan Allah ﷻ itu tidak berhajat kepada sesuatu yang lain ialah :

a) Sekiranya kewujudan-Nya berhajat kepada tempat nescaya tuhan itu sifat صِفَةٌ . Mustahil pada 'aql fikiran manusia sesuatu sifat bersifat dengan Sifat Ma'nawiyah dan Sifat Ma'ani. Allah ﷻ bersifat dengan kedua-dua sifat tersebut. Maka mustahil Allah ﷻ wujud sebagai sifat صِفَةٌ .

b) Dan sekiranya Allah ﷻ berhajat kepada penentu, nescaya Allah ﷻ itu baharu (tidak qadim). Perkara ini mustahil kerana telah nyata bahawa Allah ﷻ bersifat dengan Qidam dan Baqa'.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ الْوَحْدَانِيَّةِ لَهُ تَعَالَى: فَلَأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ وَاحِدًا لَزِمَ أَنْ لَا يُوجَدَ شَيْءٌ مِنَ الْعَالَمِ لِلزُّومِ عَجْزِهِ حِينَئِذٍ.

Dalil yang menunjukkan keesaan Allah ﷻ ialah sekiranya Allah ﷻ itu tidak esa nescaya tidak akan wujud sesuatu apa pun dari alam semesta ini. Ini kerana kesemua tuhan tersebut lemah apabila berhajat kepada sesuatu yang lain.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ اتِّصَافِهِ تَعَالَى بِالْقُدْرَةِ وَالْإِرَادَةِ وَالْعِلْمِ وَالْحَيَاةِ: فَلِأَنَّهُ لَوْ
انْتَفَى شَيْءٌ مِنْهَا لَمَا وَجَدَ شَيْءٌ مِنَ الْحَوَادِثِ.

Dalil yang menunjukkan kepada wajibnya Allah ﷻ bersifat dengan Qudrat, Iradat, 'Ilmu dan Hayat ialah sekiranya ternafi daripada Allah ﷻ salah satu dari sifat-sifat tersebut nescaya tidak akan wujud sedikit pun dari alam ini.

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ السَّمْعِ لَهُ تَعَالَى وَالْبَصَرِ وَالْكَلامِ: فَالْكِتَابُ وَالسُّنَّةُ
وَالْإِجْمَاعُ، وَأَيْضًا لَوْ لَمْ يَتَّصَفْ بِهَا لَزِمَ أَنْ يَتَّصَفَ بِأَضْدَادِهَا، وَهِيَ نَقَائِصُ،
وَالنَّقْصُ عَلَيْهِ تَعَالَى مُحَالٌ.

Dalil yang menunjukkan kepada wajibnya Allah ﷻ bersifat dengan Sama', Basor dan Kalam ialah nas-nas Al-Quran, Hadis dan Ijma'. Disamping itu sekiranya Allah ﷻ tidak bersifat dengan sifat-sifat ini, nescaya Allah ﷻ akan bersifat dengan sifat-sifat yang berlawanan dengannya. Telah maklum yang Allah ﷻ itu mustahil bersifat dengan segala sifat kekurangan.

وَأَمَّا بُرْهَانُ كَوْنِ فِعْلِ الْمُمْكِنَاتِ أَوْ تَرْكِهَا حَائِزًا فِي حَقِّهِ تَعَالَى: فَلِأَنَّهُ لَوْ وَجَبَ
عَلَيْهِ تَعَالَى شَيْءٌ مِنْهَا عَقْلًا، أَوْ اسْتِحَالَ عَقْلًا لَا نَقَلَبَ الْمُمْكِنُ وَاجِبًا أَوْ
مُسْتَحِيلًا، وَذَلِكَ لَا يُعْقَلُ.

Dalil yang menjelaskan keharusan Allah ﷻ melaksanakan perkara yang **harus** dan meninggalkannya ialah, sekiranya wajib dari segi 'aql ke atas Allah ﷻ melaksanakan sesuatu perkara atau wajib meninggalkannya, nescaya akan bertukar hakikat sesuatu yang harus kepada wajib atau mustahil. Perkara ini tidak dapat diterima oleh 'aql fikiran manusia.

وَأَمَّا الرُّسُلُ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: فَيَجِبُ فِي حَقِّهِمُ: الصِّدْقُ. وَالْأَمَانَةُ.
وَتَبْلِيغُ مَا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلْخَلْقِ. وَيَسْتَحِيلُ فِي حَقِّهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
أَضْدَادُ هَذِهِ الصِّفَاتِ، وَهِيَ: الْكَذِبُ. وَالْخِيَانَةُ بِفِعْلِ شَيْءٍ مِمَّا نُهَى عَنْهُ نَهْيَ
تَحْرِيمٍ أَوْ كَرَاهَةٍ. وَكَيْتْمَانُ شَيْءٍ مِمَّا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلْخَلْقِ.

Wajib bagi setiap Para Rasul عليه الصلاة والسلام: bercakap **benar**, **amanah** dan **menyampaikan** segala yang diperintahkan oleh Allah ﷻ kepada makhluknya. Mustahil pula bagi mereka segala sifat-sifat yang bertentangan iaitu **dusta**, **khianat** dengan melakukan perkara yang dilarang oleh Allah ﷻ, sama ada larangan tersebut berbentuk pengharaman atau makruh dan **menyembunyikan** sesuatu daripada apa yang disuruh sampaikan kepada seluruh makhluk.

وَيَجُوزُ فِي حَقِّهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ مَا هُوَ مِنَ الْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ الَّتِي لَا تُؤَدِّي إِلَى نَقْصٍ فِي مَرَاتِبِهِمُ الْعُلْيَا: كَالْمَرَضِ وَنَحْوِهِ.

Harus bagi hak para Rasul عليه الصلاة والسلام bersifat dengan segala sifat kemanusiaan yang tidak menjejaskan martabat kenabian mereka yang mulia: seperti sakit dan lain-lain lagi.

أَمَّا بُرْهَانُ وَجُوبِ صِدْقِهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: فَلَأَنَّهُمْ لَوْ لَمْ يَصْدُقُوا لَلزِمَ الْكَذِبُ فِي خَبَرِهِ تَعَالَى لِتَصَدِيقِهِ تَعَالَى لَهُمْ بِالْمُعْجِزَةِ النَّازِلَةِ مَنْزِلَةَ قَوْلِهِ تَعَالَى: صَدَقَ عَبْدِي فِي كُلِّ مَا يُبَلِّغُنِي.

Dalil yang menyatakan bahawa Para Rasul wajib bercakap benar ialah sekiranya mereka berdusta, nescaya perkhabaran yang difahami daripada mu'jizat Allah ﷻ juga menjadi dusta. Allah ﷻ membenarkan Para Rasul-Nya dengan mu'jizat yang turun selaras dengan firmanNya: “**Sesungguhnya hamba-Ku berkata benar pada setiap perkhabarannya daripadaKu**” .

وَأَمَّا بُرْهَانُ وَجُوبِ الْأَمَانَةِ لَهُمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: فَلَأَنَّهُمْ لَوْ خَانُوا بِفِعْلِ مُحْرَمٍ، أَوْ مَكْرُوهٍ، لَا نَقَلَبَ الْمُحْرَمُ، أَوْ الْمَكْرُوهُ طَاعَةً فِي حَقِّهِمْ، لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَمَرَنَا بِالْإِقْتِدَاءِ بِهِمْ فِي أَقْوَالِهِمْ وَأَفْعَالِهِمْ، وَلَا يَأْمُرُ اللَّهُ تَعَالَى بِفِعْلِ مُحْرَمٍ وَلَا مَكْرُوهٍ. وَهَذَا بَعِينُهُ هُوَ بُرْهَانُ وَجُوبِ الثَّلَاثِ.

Dalil yang mewajibkan setiap Rasul bersifat dengan amanah ialah sekiranya mereka mengkhianati perintah Allah ﷻ dengan melakukan perkara haram atau makruh, nescaya perkara haram dan makruh tersebut akan menjadi satu ketaatan di sisi mereka kerana Allah ﷻ memerintahkan manusia menjadikan segala perbuatan dan perkataan mereka sebagai contoh ikutan. Allah ﷻ tidak sekali-kali akan memerintah hambanya melakukan perkara haram dan makruh. Dan ini dengan sendirinya merupakan bukti wajibnya perkara yang ketiga iaitu tabligh (menyampaikan).

وَأَمَّا دَلِيلُ جَوَازِ الْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ عَلَيْهِمْ: فَمُشَاهَدَةُ وَقُوعِهَا بِهِمْ: أَمَّا لِتَعْظِيمِ أَجُورِهِمْ. أَوْ لِلتَّشْرِيعِ. أَوْ لِلتَّسْلِيِ عَنِ الدُّنْيَا. أَوْ لِلتَّنْبِيهِ لِحِسَّةِ قَدْرِهَا عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى. وَعَدَمِ رِضَاهُ بِهَا دَارَ جَزَاءٍ لِأَنْبِيَائِهِ وَأَوْلِيَائِهِ بِاعْتِبَارِ أَحْوَالِهِمْ فِيهَا عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ.

Adapun dalil harus adanya sifat-sifat manusia pada Para Rasul عليه الصلاة والسلام ialah penyaksian berlakunya perkara tersebut pada diri mereka. Ianya bertujuan untuk:-

- a. Menggandakan lagi pahala mereka.
- b. Sebagai pensyariatan kepada manusia.
- c. Memberi ketenangan kepada mereka yang ditimpa ujian.
- d. Mengingatkan tentang kehinaan dunia di sisi Allah ﷻ.
- e. Ketiadaan keredhaanNya terhadap dunia sebagai tempat balasan bagi para nabiNya dan para waliNya memandangkan keadaan mereka عليه الصلاة والسلام yang sentiasa ditimpa kesusahan.

وَيَجْمَعُ مَعَانِي هَذِهِ الْعَقَائِدِ كُلِّهَا قَوْلُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ إِذْ مَعْنَى الْأُلُوْهِيَّةِ: اسْتِغْنَاءُ الْإِلَهِ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَافْتِقَارُ كُلِّ مَا عَدَاهُ إِلَيْهِ. فَمَعْنَى لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ: لَا مُسْتَغْنِيَا عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَمُفْتَقِرًا إِلَيْهِ كُلِّ مَا عَدَاهُ إِلَّا اللَّهُ تَعَالَى.

Ketahuiilah bahawa sesungguhnya ucapan **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ** merangkumi semua masalah aqidah (ketuhanan dan kenabian) yang telah disebutkan sebelum ini. Ini kerana makna Al-Uluhiyyah (Ketuhanan) [الْأُلُوْهِيَّةِ] ialah:-

1. Maha Kaya Tuhan dari setiap sesuatu (اسْتِغْنَاؤُهُ عَنْ كُلِّ شَيْءٍ).
2. Sangat berhajat segala sesuatu terhadapNya (اِفْتِقَارُ كُلِّ شَيْءٍ إِلَيْهِ).

Jesteru itu, maksud **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** : tiada tuhan yang maha kaya dari segala sesuatu dan berhajat kepadanya setiap sesuatu melainkan Allah ﷻ.

أَمَّا اسْتِغْنَاؤُهُ جَلٌّ وَعَزٌّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، فَهُوَ يُوجِبُ لَهُ تَعَالَى: الْوُجُودَ، وَالْقِدَمَ، وَالْبَقَاءَ، وَالْمُخَالَفَةَ لِلْحَوَادِثِ، وَالْقِيَامَ بِالنَّفْسِ، وَالتَّنَزُّهَ عَنِ النَّقَائِصِ. وَيَدْخُلُ فِي ذَلِكَ وَجُوبُ السَّمْعِ لَهُ تَعَالَى وَالْبَصَرِ وَالْكَلامِ، إِذْ لَوْ لَمْ تَجِبْ لَهُ هَذِهِ الصِّفَاتُ لَكَانَ مُحْتَاجًا إِلَى الْمُحَدِّثِ، أَوْ الْمَحَلِّ، أَوْ مَنْ يَدْفَعُ عَنْهُ النَّقَائِصَ.

Maha kaya Allah ﷻ اسْتِغْنَاؤُهُ عَنْ كُلِّ شَيْءٍ

1. **Mewajibkan**-Nya bersifat dengan:-

- a) الْوُجُودُ ertinya **ada**.
- b) الْقِدَمُ ertinya **tiada permulaan** bagi kewujudannya.
- c) الْبَقَاءُ ertinya **tiada penghujung** bagi kewujudannya.
- d) الْمُخَالَفَةُ لِلْحَوَادِثِ ertinya **tiada segala bentuk persamaan** diantara Allah ﷻ dengan makhluknya.

e) **التَّقَائِصِ التَّنَزُّهُ** ertinya **maha suci dari segala sifat-sifat kekurangan**. Sifat ini merangkumi beberapa perkara lain iaitu:-

Wajib bagi Allah ﷻ bersifat dengan:

- السَّمْعُ ertinya Pendengaran.
- البَصْرُ ertinya Penglihatan.
- الكَلَامُ ertinya Pekata yang tidak bersuara dan berharuf.

Sesungguhnya Maha kaya Allah ﷻ mewajibkan segala sifat yang telah disebutkan di atas kerana sekiranya ternafi perkara-perkara tersebut nescaya Allah ﷻ:

- Berhajat kepada pencipta
- Ataupun tempat bagi kewujudannya
- Ataupun sesuatu kuasa lain yang menghilangkan darinya segala sifat-sifat kekurangan.

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ: تَنْزُهُهُ تَعَالَى عَنِ الْأَغْرَاضِ فِي أَفْعَالِهِ وَأَحْكَامِهِ، وَإِلَّا لَزِمَ افْتِقَارُهُ إِلَى مَا يُحْصِلُ غَرَضَهُ، كَيْفَ وَهُوَ جَلٌّ وَعَزٌّ الْغِنَى عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

2. **Menafikan** adanya sesuatu tujuan atau sebab bagi segala perbuatan Allah ﷻ dan hukum-hakam-Nya. Ini kerana sekiranya Allah ﷻ mempunyai sesuatu tujuan atau sebab dari segala perbuatan dan hukum-hakam-Nya, nescaya Allah ﷻ berhajat kepada sesuatu yang lain untuk menyempurnakan kehendak-Nya. Perkara ini mustahil kerana Allah ﷻ maha kaya dari segala sesuatu.

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا: أَنَّهُ لَا يَجِبُ عَلَيْهِ تَعَالَى فِعْلُ شَيْءٍ مِنَ الْمُمْكِنَاتِ وَلَا تَرْكُهُ، إِذْ لَوْ وَجَبَ عَلَيْهِ تَعَالَى شَيْءٌ مِنْهَا عَقْلًا كَالثَّوَابِ مَثَلًا، لَكَانَ جَلٌّ وَعَزٌّ مُفْتَقِرًا إِلَى ذَلِكَ الشَّيْءِ لِيَتَكَمَّلَ بِهِ غَرَضُهُ، إِذْ لَا يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى إِلَّا مَا هُوَ كَمَالٌ لَهُ، كَيْفَ وَهُوَ جَلٌّ وَعَزٌّ الْغِنَى عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

3. **Mengharuskan**-Nya mewujudkan sesuatu perkara harus atau tidak mewujudkannya. Ini kerana sekiranya Allah ﷻ wajib melakukan sesuatu yang harus seperti memberi pahala bagi setiap kebaikan, nescaya Allah ﷻ berhajat kepada perkara tersebut untuk kesempurnaan-Nya. Ini kerana tiada perkara yang wajib bagi Allah ﷻ melainkan segala kesempurnaan-Nya. Perkara ini (berhajat kepada perkara lain untuk kesempurnaan-Nya) mustahil kerana Allah ﷻ maha kaya dari segala sesuatu.

وَأَمَّا افْتِقَارُ كُلِّ مَا عَدَاهُ إِلَيْهِ جَلَّ وَعَزَّ فَهُوَ يُوجِبُ لَهُ تَعَالَى الْحَيَاةِ، وَعُمُومَ الْقُدْرَةِ وَالْإِرَادَةَ وَالْعِلْمَ، إِذْ لَوْ انْتَفَى شَيْءٌ مِنْهَا لَمَا أَمَكْنَ أَنْ يُوجَدَ شَيْءٌ مِنَ الْحَوَادِثِ فَلَا يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ شَيْءٌ، كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ.

Berhajat segala sesuatu kepada Allah ﷻ: افْتِقَارُ كُلِّ شَيْءٍ إِلَيْهِ

1. **Mewajibkan**-Nya bersifat dengan;

- a) الْحَيَاةُ ertinya Hidup.
- b) عُمُومُ الْقُدْرَةِ ertinya Kuasa yang menyeluruh.
- c) الْإِرَادَةُ ertinya Kehendak.
- d) الْعِلْمُ ertinya Pengetahuan.

Ini kerana sekiranya ternafi sifat-sifat di atas, nescaya tidak mungkin wujud sedikit pun dari alam semesta ini. Jesteru itu, tiada sesuatu apa pun yang akan berhajat kepada-Nya. Perkara ini mustahil kerana telah diyakini bahawa setiap sesuatu pasti berhajat kepada-Nya.

وَيُوجِبُ لَهُ تَعَالَى أَيْضًا: الْوَحْدَانِيَّةَ، إِذْ لَوْ كَانَ مَعَهُ ثَانٍ فِي الْأُلُوْهِيَّةِ لَمَا افْتَقَرَ إِلَيْهِ شَيْءٌ لِلزُّوْمِ عَجْزِهِمَا حِينَئِذٍ، كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ.

2. **Mewajibkan**-Nya bersifat dengan الْوَحْدَانِيَّةَ ertinya tiada sekutu bagi zat Allah ﷻ, sifat dan segala perbuatannya. Ini kerana sekiranya ada sekutu bagi Allah ﷻ, nescaya tidak akan berhajat kepada Allah ﷻ sesuatu apa pun kerana lemahnya kedua-duanya ketika itu. Perkara ini mustahil kerana telah diyakini bahawa setiap sesuatu pasti berhajat kepada-Nya

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا: حُدُوثُ الْعَالَمِ بِأَسْرِهِ، إِذْ كَانَ شَيْءٌ مِنْهُ قَدِيمًا لَكَانَ ذَلِكَ الشَّيْءُ مُسْتَعْنِيًا عَنْهُ تَعَالَى، كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَجِبُ أَنْ يَفْتَقِرَ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ.

3. **Menghukumkan** yang alam semesta ini baharu (tidak qadim). Ini kerana sekiranya alam ini qadim, nescaya alam ini tidak berhajat kepada Allah ﷻ untuk mewujudkannya. Perkara ini mustahil kerana telah diyakini bahawa setiap sesuatu pasti berhajat kepada-Nya

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا: أَنْ لَا تَأْتِيَر لَشَيْءٍ مِنَ الْكَائِنَاتِ فِي أَثَرِ مَا، وَإِلَّا لَزِمَ أَنْ يَسْتَعْنِي ذَلِكَ الْأَثَرُ عَنْ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ، كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ عُمُومًا. وَعَلَى كُلِّ حَالٍ، هَذَا إِنْ قَدَّرْتَ أَنَّ شَيْئًا مِنَ الْكَائِنَاتِ يُؤَثِّرُ بِطَبْعِهِ، وَأَمَّا إِنْ قَدَّرْتَهُ مُؤَثِّرًا بِقُوَّةٍ جَعَلَهَا اللَّهُ فِيهِ كَمَا يَزَعُمُهُ كَثِيرٌ مِنَ الْجَهْلَةِ فَذَلِكَ مُحَالٌ أَيْضًا، لِأَنَّهُ يَصِيرُ حِينَئِذٍ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ مُفْتَقِرًا فِي إِيجَادِ بَعْضِ الْأَفْعَالِ إِلَى وَاسِطَةٍ، وَذَلِكَ بَاطِلٌ لِمَا عَرَفْتَ مِنْ وُجُوبِ اسْتِعْنَانِهِ جَلَّ وَعَزَّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

4. **Menghukumkan** bahawa tiada sesuatu pun dari alam semesta ini yang mampu memberi kesan (mewujudkan/tidak mewujudkan) secara semula jadi terhadap sesuatu benda. Ini kerana sekiranya perkara tersebut berlaku, nescaya benda tersebut tidak berhajat kepada Allah ﷻ dalam penciptaannya. Perkara ini mustahil kerana telah diyakini bahawa setiap sesuatu pasti berhajat kepada-Nya. Begitu juga mustahil hukumnya jika diandaikan ada sesuatu dari alam semesta ini yang memberi kesan dengan kuasa yang diciptakan oleh Allah ﷻ di dalamnya. Ini merupakan pegangan bagi sesetengah orang yang tidak berpengetahuan. Perkara ini menjadikan Allah ﷻ berhajat kepada satu perantaraan lain untuk melakukan sesuatu. Ianya mustahil dan batil kerana telah maklum bahawa Allah ﷻ maha kaya (tidak memerlukan) dari setiap sesuatu.

فَقَدْ بَانَ لَكَ تَضَمُّنُ قَوْلِ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ لِلْأَقْسَامِ الثَّلَاثَةِ الَّتِي يَجِبُ عَلَى الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهَا فِي حَقِّ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ، وَهِيَ: مَا يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى، وَمَا يَسْتَحِيلُ، وَمَا يَجُوزُ.

Dengan keterangan ini, nyatalah yang لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ merangkumi ketiga-tiga perkara yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf iaitu:

1. Sifat-sifat yang wajib bagi Allah ﷻ. [20 sifat]
2. Sifat-sifat yang mustahil bagi Allah ﷻ. [20 sifat]
3. Sifat yang harus bagi Allah ﷻ. [1 sifat]

وَأَمَّا قَوْلُنَا: مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَدْخُلُ فِيهِ الْإِيمَانُ بِسَائِرِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ السَّمَاوِيَّةِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، لِأَنَّهُ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ جَاءَ بِتَصْدِيقِ جَمِيعِ ذَلِكَ كُلِّهِ.

Ungkapan yang kedua iaitu مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ :

1. **Terandung** di dalamnya:
 - a. Beriman dengan semua Para Rasul ﷺ.
 - b. Beriman dengan semua Para Malaikat ﷺ.
 - c. Beriman dengan semua kitab yang diturunkan dari langit.
 - d. Beriman dengan Hari Akhirat.

Ini kerana Rasulullah ﷺ diutuskan agar manusia beriman dan mempercayai setiap perkara yang telah disebutkan diatas.

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ: وَجُوبُ صِدْقِ الرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ. وَاسْتِحَالَةُ الْكَذِبِ عَلَيْهِمْ، وَإِلَّا لَمْ يَكُونُوا رُسُلًا أَمْنَاءَ لِمَوْلَانَا الْعَالِمِ بِالْخَفِيَّاتِ جَلَّ وَعَزَّ.

2. Mewajibkan mereka berkata benar pada setiap perkara yang mereka sampaikan dan memustahilkan mereka berdusta. Ini kerana sekiranya mereka berdusta, nescaya mereka bukanlah utusan dan pemegang amanah Allah ﷻ. Padahal Allah ﷻ Maha Mengetahui perkara yang tersembunyi.

وَاسْتِحَالَةُ فِعْلِ الْمَنْهِيَّاتِ كُلِّهَا لِأَنَّهُمْ أُرْسِلُوا لِيُعَلِّمُوا النَّاسَ بِأَقْوَالِهِمْ، وَأَفْعَالِهِمْ وَسُكُوتِهِمْ، فَيَلْزَمُ أَنْ لَا يَكُونَ فِي جَمِيعِهَا مُخَالَفَةٌ لِأَمْرِ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ الَّذِي اخْتَارَهُمْ عَلَى جَمِيعِ خَلْقِهِ وَآمَنَهُمْ عَلَى سِرِّ وَحْيِهِ.

3. Memustahilkan mereka melakukan semua perkara yang dilarang kerana mereka diutuskan untuk mengajar manusia dengan pertuturan, perbuatan dan penetapan mereka. Maka wajiblah segala tindak tanduk mereka tidak bertentangan dengan perintah Allah ﷻ yang telah memilih mereka sebagai ikutan bagi segala makhluk-Nya dan mempercayai mereka untuk menyampaikan wahyu-Nya.

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ: جَوَازُ الْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ عَلَيْهِمْ، إِذْ ذَاكَ لَا يَقْدَحُ فِي رِسَالَتِهِمْ، وَعُلُوِّ مَنْزِلَتِهِمْ عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى بَلْ ذَاكَ مِمَّا يَزِيدُ فِيهَا.

4. Mengharuskan mereka bersifat dengan segala sifat kemanusiaan kerana sifat tersebut tidak menjejaskan tugas mereka sebagai rasul dan tidak merendahkan martabat mereka di sisi Allah ﷻ. Bahkan perkara tersebut akan meninggikan lagi darjat mereka.

فَقَدْ بَانَ لَكَ تَضَمُّنُ كَلِمَتِي الشَّهَادَةِ مَعَ قَلَّةِ حُرُوفِهَا لِجَمِيعِ مَا يَجِبُ عَلَى الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهُ مِنْ عَقَائِدِ الْإِيمَانِ فِي حَقِّهِ تَعَالَى وَفِي حَقِّ رُسُلِهِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ.

Maka jelaslah bahawa sesungguhnya dua Kalimah Syahadat merangkumi segala perkara yang wajib diketahui oleh mukallaf; Perkara yang wajib bagi Allah ﷻ, perkara yang wajib bagi Rasul.

وَلَعَلَّهَا لِاخْتِصَارِهَا مَعَ اشْتِمَالِهَا عَلَى مَا ذَكَرْنَاهُ جَعَلَهَا الشَّرْعُ تَرْجُمَةً عَلَى مَا فِي الْقَلْبِ مِنَ الْإِسْلَامِ، وَلَمْ يُقْبَلْ مِنْ أَحَدٍ الْإِيمَانُ إِلَّا بِهَا.

Semoga kerana ringkasnya Kalimah Syahadat itu, serta kesyumulan pengertiannya berhubung dengan segala 'aqidah seperti yang telah kami sebutkan, maka Syara' menjadikannya sebagai terjemahan tentang keislaman yang terdapat di dalam hati dan tidak diterima keimanan seseorang melainkan dengannya.

فَعَلَى الْعَاقِلِ أَنْ يُكْثِرَ مِنْ ذِكْرِهَا. مُسْتَحْضِرًا لِمَا احْتَوَتْ عَلَيْهِ مِنْ عَقَائِدِ الْإِيمَانِ. حَتَّى تَمْتَرَجَ مَعَ مَعْنَاهَا بِلَحْمِهِ وَدَمِهِ. فَإِنَّهُ يَرَى لَهَا مِنَ الْأَسْرَارِ وَالْعَجَائِبِ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مَا لَا يَدْخُلُ تَحْتَ حَصْرِ. وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ لَا رَبَّ غَيْرُهُ، وَلَا مَعْبُودَ سِوَاهُ.

Sewajarnya bagi mereka yang berakal fikiran membanyakkan menyebutnya disamping merenung dan memerhatikan segala perkara aqidah yang terkandung di dalamnya sehingga sehati dengan darah dagingnya. Sesungguhnya orang yang banyak menyebutnya akan dianugerahkan dengan rahsia-rahsia dan melihat perkara keramat yang tidak terhingga sekiranya diizinkan oleh Allah ﷻ.

